

04/06/2000

Parti lawan sebar risalah fitnah

M Noh Senan; Ziauddin Sharuddin; Esme Johari Wahab

PORT DICKSON: Pengedaran risalah ketika solat Jumaat di beberapa masjid dekat sini kelmarin, membuktikan parti pembangkang tertekan hingga sanggup menyebarkan fitnah.

Risalah itu yang diletakkan di masjid, memburukkan Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ini termasuk Dr Mahathir dikatakan merendah-rendahkan Nabi Mohammad ketika berucap di perhimpunan agung Umno, bulan lalu.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berkata pihak terbabit dalam perbuatan itu tidak bertanggungjawab dan kehabisan modal untuk menawan hati pengundi di sini.

"Lebih bahaya mereka mengadakan cerita yang tidak benar dan menyebarkan fitnah," katanya ketika ditemui selepas merasmikan perhimpunan Hari Belia Negara peringkat Negeri Sembilan di pekarangan pusat beli-belah Oceanic Mall di sini, semalam.

Mohd Isa berkata, risalah itu cuba menyelewengkan fakta sebenar supaya orang ramai, terutama pengundi di Teluk Kemang, membenci Perdana Menteri dan Barisan Nasional.

"Saya katakan risalah itu berniat jahat kerana hanya memasukkan petikan ucapan Dr Mahathir pada perenggan 17, tetapi tidak memasukkan perenggan 18 dan 19," katanya.

Menurutnya, ini menyebabkan ucapan Perdana Menteri kelihatan tergantung, sekali gus mengundang pelbagai tafsiran buruk orang yang membacanya.

Beliau berkata, percubaan pihak terbabit memburukkan Dr Mahathir bukan perkara baru, malah sebelum ini membabitkan pemimpin Umno lain termasuk Datuk Seri Megat Joned Megat Ayob.

Katanya, Megat Joned dikatakan menyebelahi bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, selepas sebuah majalah dikatakan menyiarkan gambarnya bersama Anwar.

Mohd Isa berkata, ini juga menunjukkan pembangkang dalam pilihan raya kecil ini ketandusan isu kerana Teluk Kemang adalah kawasan yang pesat membangun dan masalah rakyat sentiasa mendapat perhatian kerajaan.

"Saya percaya pengundi Teluk Kemang tidak mudah terpengaruh dengan fitnah yang disebarkan risalah itu," katanya.

Sementara itu, beliau yakin anggota tentera akan mengundi BN walaupun pembangkang mendakwa melalui kain rentang yang dipasang di beberapa tempat di sini, kononnya anggota tentera menyokong pembangkang.

"Mereka boleh cakap apa saja, tetapi anggota tentera akan terus memberi kepercayaan kepada BN untuk menerajui negara," katanya.

(END)